

# Berita Bandara

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR DIGITAL



## Rasa-Rasa Kuala Lumpur

Sempena Bulan Citrawarna Malaysia 2002 yang diadakan pada 27 Mei-23 Jun 2002, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan beberapa program bagi menyambut dan memeriahkan lagi suasana Bulan Citrawarna Malaysia 2002. Antara program yang diadakan ialah Rasa-Rasa Kuala Lumpur 2002 bertempat di Jalan Hang Kasturi, Pasar Budaya Kuala Lumpur.

Rasa-Rasa Kuala Lumpur dengan berkonsepkan nostalgia zaman awal 80-an menyediakan makanan terkenal di Kuala Lumpur seperti nasi briyani, murtabak, satay, kueh teow, mee goreng mamak, nasi lemak Tang Ling dan lain-lain bagi dinikmati oleh warga kota Kuala Lumpur dan pelancong. Penyediaan makanan disediakan oleh para pengusaha gerai yang terkenal di sekitar Kuala Lumpur.

Beberapa pertandingan telah diadakan seperti Pertandingan Gerai Bersih/Cantik dan Pertandingan Juadah Lazat/Sedap. Pertandingan bertujuan menggalakkan para penjaja supaya sentiasa mengamalkan kebersihan dan pengindahan tempat peniagaan di samping menyediakan makanan yang lazat dan sedap agar dapat menarik ramai lagi pengunjung-pengunjung ke gerai masing-masing.

Acara Perampaman Sijil dan hadiah telah diadakan pada 17 Jun 2002 dan telah disampaikan oleh Y.Bhg. Datuk Mohmad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Pertandingan Gerai Bersih/Cantik telah dimenangi oleh Encik Hasan Bin Hashim dan

Pertandingan Juadah Lazat pula dimenangi oleh Puan Rozleena Bt. Ramli.

Pada malam tersebut orang ramai telah dihiburkan dengan persembahan kebudayaan, lawak jenaka dan nyanyian oleh artis-artis terkenal tanahair.



Puan Norlia Ramli@ 'Joyah' mendapat tempat ke dua dalam Pertandingan Juadah Lazat menerima penghargaan daripada YBhg. Datuk Mohmad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur.



YBhg. Datuk Mohmad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur melawat salah satu gerai yang mengambil bahagian.

## Rencana Pengarang

Pelancongan telah terbukti sebagai satu industri yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara di samping meningkatkan imej di mata dunia.

DBKL turut menyokong dasar kerajaan ke arah menggalakan pelancongan dengan menubuhkan Majlis Pelancongan Kuala Lumpur dan Bahagian yang bertanggungjawab terhadap pelancongan. Antara fungsi dan peranan Majlis Pelancongan ialah melaksanakan program dan aktiviti, menyediakan produk dan prasarana pelancongan.

Sebuah Jawatankuasa Penggalakan Pelancongan yang terdiri dari sektor kerajaan, korporat dan badan-badan bukan kerajaan juga telah ditubuhkan bagi merancang, menyelaras dan membangunkan produk pelancongan dan mengadakan kalendar acara bagi sepanjang tahun. Selain itu, jawatankuasa ini juga akan memajukan dan mempromosikan pelancongan, kebudayaan dan kesenian secara bersepadu.

Kuala Lumpur sebagai pintu masuk ke negara ini akan membangunkan produk pelancongan berdasarkan kekuatan dan keunikan tempatan iaitu sebagai pusat membeli-belah bertaraf dunia serta kewujudan aneka budaya dan cara hidup masyarakat yang pelbagai.

Keupayaan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah untuk konvensyen dan acara sukan peringkat antarabangsa turut membantu usaha menarik lebih ramai lagi pelancong ke Kuala Lumpur.

Warga kota yang bekerja sebagai pemandu pelancong, penyambut tetamu, pemandu teksi, pekerja hotel dan lain-lain pusat tumpuan pelancongan serta peniaga dan penjaja termasuk orang ramai boleh membantu menggalak dan mempromosikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan unggul. Caranya ialah dengan melahirkan sikap dan budaya hidup yang sopan santun, suka membantu, ceria dan sentiasa menjaga kualiti, kebersihan dan keindahan.



*Penasihat*  
YBrs. Dato' Halijah Binti Ahmad

*Celua Editor*

Zainet Abidin bin Hj. Mohd. Nain

*Editor*

Siti Aisyah Bin Ibrahim

*Editor*

Hanim Binti Hj. Hashim

Suriyana Binti Ismail

Jabatan Kerja Awam

Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut

**03-2699 3597**

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pemberisihan Bandar

Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC

**03-4045 3320**

Direktorat Penguatkuasaan

Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok A,  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

**03 - 4023 1133**

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan

Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut

**03-2691 6011 samb. 3806/3868**

Jabatan Pengangkutan Bandar

Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.

**03 - 2691 0555**

Jabatan Kesihatan

Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,  
Km.4, Jalan Cheras.

**03 - 9284 5166**

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil

Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.

**03 - 2698 6989**

Jabatan Pelesenan

Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama  
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.

**03 - 2698 6177 samb. 100**

Jabatan Pengurusan Perumahan

Tingkat Bawah,  
No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman.

**03 - 2691 2112**

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai

Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.

**03 - 2691 6011**

Hotline DBKL

**03-4022 0033**

(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)

**03-9284 3636/9284 3434**

(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam

Bhg. Hal Ehwal Awam

**03-2699 3852**

**Hari Mesra Pelanggan**

**(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)**

**9.00 pagi - 12 tengahari**

Pegawai Bertugas

Muhamad Bin Wahab

Tel : 03-2697 7097

### Jurufoto

Mubarok Bin Mhd. Atan

Abd. Rshani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

### Cetakan

Unit Repografi

Jabatan Pengurusan Organisasi

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

### Alamat Editor

**Berita Bandaraya**

Bahagian Hal Ehwal Awam

Jabatan Pengurusan Organisasi

Tingkat 5, Bangunan DBKL

Atau berhubung dengan

**Suriyana Binti Ismail**

Tel: 03-2691 6011 samb. 3851

Faks: 03-2694 1373

E-mel: akhbar@dbkl.gov.my

# ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2002

Syabas dan tahniah kepada 440 orang anggota DBKL yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2002. Seramai 140 orang mendapat pergerakan gaji melintang dan 300 orang mendapat pergerakan gaji menegak.

Pemberian anugerah ini adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan DBKL terhadap pegawai dan kakitangan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Kakitangan berkenaan

telah menerima sijil, seutas jam tangan dan insentif simpanan ASB bernilai RM300 (Bumiputera) atau Sijil Simpanan Premium bernilai RM300 (bukan Bumiputera) serta 1 atau  $\frac{1}{2}$  bulan gaji.

Anugerah ini juga akan memberi motivasi kepada pegawai dan kakitangan DBKL untuk bekerja lebih tekun, cekap dan efisyen supaya DBKL akan terus menjadi sebuah organisasi yang berwibawa dalam mentadbir bandar raya Kuala Lumpur.



Kerja-kerja cantasan pokok dilaksanakan agar persekitaran bandar raya kelihatan kemas dan cantik.

Dianggarkan sebanyak 400,000 pokok rimbun terdapat di Bandar raya Kuala Lumpur. DBKL sentiasa memastikan mutu penyenggaraan yang terbaik, selaras dengan dasar penghijauan bandar. Pokok-pokok di Kuala Lumpur dipelihara dan dikawal di bawah Akta (Perancangan) WP 1982. Semua pokok-pokok samada di kawasan awam atau persendirian adalah tertakluk pada akta ini.

Pokok-pokok di bawah penyelenggaraan dan kawalan DBKL ialah pokok-pokok yang di tanam

- a. teplan
- b. tanah latang (tree bank)
- c. pokok asal (preservation)

## PENYENGGARAAN POKOK DI KL

Pokok-pokok yang boleh disyorkan tebang, alih atau cantas, pertimbangan dibuat berdasarkan kepada :

- a. kedudukan pokok samada terbabit dengan pembangunan
- b. keadaan pokok samada mati, condong, rosak, berpenyakit dan keadaan akarnya telah melilit atau terlibat dengan kabel-kabel elektrik, telekom atau paip.
- c. spesis pokok yang cepat membesar, rapuh dan mudah patah apabila ribut kencang.
- d. pokok-pokok rendang yang rantingnya menutupi papantanda petunjuk arah jalan, menjangkau hingga ke bumbung kediaman atau rumah-rumah kepunyaan persendirian dan untuk merapikan dan mengembalikan kecantikan serta teduhan kawasan berkaitan.

Bilangan pokok yang ditebang, dicantas serta potong dahan sekali sebulan ialah sebanyak 2000 batang.